


Info ICT



5

WAJAH BARU Windows 8



Selain versi berbeza, sejak kemunculan Windows 8 juga pelbagai komputer baru dalam kategori yang berlainan turut diperkenalkan. Komputer berasaskan Windows 8 tampil dengan sejumlah aplikasi (apps) di atas paparannya untuk memastikan anda sentiasa dihubungkan.

5 WAJAH BARU WINDOWS 8

1. TABLET RT

Sesuai dibawa bergerak kerana nipis, ringan dan hayat baterinya lama. Gajet ini boleh diaktifkan dan beroperasi serta merta daripada keadaan sedia. Aplikasinya (seperti e-mel, chat atau suapan berita) boleh diseragamkan dengan maklumat terkini biarpun dalam mod 'lena'. Malah aplikasi seperti Word, Excel, PowerPoint dan OneNote juga disertakan. Skrin HD multi sentuh dan hayat bateri lanjutan pula sesuai untuk permainan ketika bergerak. Fungsi Windows Update, Windows Defender dan Windows Firewall juga tersedia. Contoh : Samsung ATIV Smart PC.



5 WAJAH BARU WINDOWS 8

2. TABLET PRO

Cukup pantas dan hayat bateri yang lama sesuai untuk dibawa bergerak atau bertugas seperti dalam mesyuarat. Selain menayang hasil kerja, tablet ini boleh dijadikan alat bantu pembentangan, kolaborasi dan suntingan yang pantas. Melaluinya, anda boleh memuat turun dan membaca buku digital, menonton muvi atau TV ketika dalam kereta api atau di lapangan terbang. Manakala skrin HD multisentuh dan hayat baterinya sesuai untuk permainan. Selain itu, peralihan di antara hotspots Wi-Fi dan rangkaian 3G/4G juga mudah. Contoh : Microsoft Surface Pro.



Windows 8

5 WAJAH BARU WINDOWS 8

3. BOLEH TUKAR / CONVERTIBLE

Produk anjal ini boleh ditukar daripada laptop menjadi tablet (atau sebaliknya) untuk tujuan kerja dan bermain. Kuasa dan ciri mudah alihnya seiras laptop, namun gayanya seperti tablet. Sesuai dibawa ketika hujung minggu, menonton muvi ketika dalam kereta api, merakam foto dan menyiapkan tugas. Peralihan di antara hotspots Wi-Fi dan rangkaian 3G/4G juga lebih senang. Kini, anda boleh bermain games seperti Angry Birds dengan lebih lama dalam mod tablet atau bermain games serius misalnya Age of Empires dalam mod laptop. Contoh : Dell XPS 12.



Windows 8

5 WAJAH BARU WINDOWS 8

4. LAPTOP

Selain kompak serta ringan, kuasa pemproses dan grafiknya tinggi. Jadi, stesen kerja mudah alih ini sesuai untuk menangani aplikasi 3D atau suntingan video. Pelbagai media boleh dinikmati sepenuhnya kerana pusat hiburan mobil ini memiliki grafik, memori dan storan yang cukup untuk muvi HD, TV, muzik dan permainan. Pelbagai port untuk pemacu luaran, aksesori, kabel HDMI dan Ethernet juga ada. Selain prestasi bunyinya yang setanding dengan prestasi visual, sesi sembang video juga boleh dilakukan melalui kamera web. Contoh : Acer Aspire S7.



Windows 8

5 WAJAH BARU WINDOWS 8

5. BERSEPADU

Produk semua dalam satu (AIO) ini memiliki skrin, kuasa pemproses, memori dan storan besar bagi melakukan pelbagai tugas khasnya pejabat kecil di rumah. Skrinnya yang besar menyediakan ruang lebih luas untuk projek besar. Majoriti paparannya berciri sentuhan dan boleh diselaraskan untuk sesi permainan yang hebat atau interaksi dengan aplikasi. Komputer bersepadu ini mempunyai kuas penuh dan reka bentuknya unik. Kombinasi peranti yang ditawarkan juga sesuai untuk aplikasi multimedia selain permainan intensif. Contoh : Toshiba LX835.



Windows 8